

No.	Soalan	Jawapan
1	Bilakah unit tambahan ASB 3 Didik akan ditawarkan?	Unit tambahan tersebut akan ditawarkan bermula 25 Mac 2026.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan had langganan sementara?	Dari 25 Mac hingga 24 Jun 2026, pemegang unit boleh melabur sehingga 300,000 unit terkumpul dalam ASB 3 Didik, tertakluk kepada unit masih ada. Selepas 24 Jun 2026, had ini akan ditamatkan dan pemegang unit boleh melabur tanpa had, tertakluk kepada unit masih ada.
3	Jika saya sudah memegang sekurang-kurangnya 300,000 unit dalam ASB 3 Didik, bolehkah saya membuat pelaburan tambahan?	Ya, anda boleh melanggan unit tambahan tanpa mengira pegangan unit sedia ada dalam akaun ASB 3 Didik anda, sekiranya unit masih ada.
4	Bagaimanakah cara untuk membuat pelaburan tambahan?	Anda boleh melabur secara digital melalui saluran myASNB serta ejen. Anda juga boleh membuat pelaburan di mana-mana cawangan ASNB dan ejen-ejen sah di seluruh negara.
5	Adakah transaksi penukaran masuk (<i>switch-ins</i>) dibenarkan?	Transaksi penukaran masuk dihentikan buat sementara waktu dari 25 Mac hingga 24 Jun 2026.
6	Adakah transaksi pemindahan (<i>transfers</i>) dibenarkan?	Ya, transaksi pemindahan unit ASB 3 Didik dari akaun seorang pemegang unit ke akaun pemegang unit yang lain dibenarkan.
7	Adakah transaksi pemindahan akan menggunakan had langganan sementara?	Tidak, transaksi pemindahan tidak akan menggunakan had langganan sementara.
8	Jika saya keluarkan unit ASB 3 Didik semasa tempoh had langganan sedang berlangsung, adakah had langganan saya akan terbuka semula untuk pelaburan tambahan?	Tidak. Had langganan berdasarkan jumlah langganan keseluruhan. Ia tidak akan berubah walaupun terdapat pengeluaran unit. Sebagai contoh, jika seorang pemegang unit melabur sebanyak 300,000 unit dan kemudiannya mengeluarkan sebahagian unit dalam tempoh yang sama, had langganan tersebut masih dianggap telah digunakan sepenuhnya. Langganan tambahan hanya boleh dibuat pada tempoh seterusnya, iaitu mulai 25 Jun 2026, tertakluk kepada unit masih ada.
9	Mengapakah terdapat had langganan, daripada membenarkan pelaburan tanpa had dalam ASB 3 Didik dari hari pertama tawaran?	Had langganan dilaksanakan bagi menggalakkan seramai mungkin pelabur yang layak untuk menyertai dan meraih manfaat daripada ASB 3 Didik.

Nota: ASNB berhak mengubah/menamatkan had langganan atau mengembalikan kemudahan penukaran pada bila-bila masa sekiranya perlu.